

Cuti yang bermakna --- Bengkel Asas Teater 2009

Oleh : Cik Rosemifariza Ramlan & Pn. Mashitoh Abu

27 -30 Jan 2009- Unit Kebudayaan dan Kesenian telah menganjurkan Bengkel Asas Teater 2009 yang disertai seramai 23 orang pelajar yang berminat menyertai teater.

Bengkel ini dibantu oleh En. Hamzah yang merupakan pengiat seni teater tanah air dan merupakan Pensyarah di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Selain itu, bengkel ini juga dibantu sepenuhnya oleh En. Muhammad Nazri bin Mohd Khalid yang merupakan Pegawai Penerbitan UniMAP. Beliau yang berpengalaman dalam seni lakonan Teater semasa beliau di universiti telah mencurahkan ilmu dan idea untuk pelajar-pelajar UniMAP yang ingin terus bergiat aktif di dalam seni teater.

Bengkel ini memberi pendedahan kepada peserta bengkel di dalam teknik untuk mengawal vokal pelakon dan juga dari segi pengarahannya lakonan teater. En. Hamzah juga berkongsi ilmu beliau dengan peserta-peserta bengkel mengenai penataan cahaya semasa berlakon di atas pentas.

Bengkel ini dapat dijadikan satu permulaan dan rujukan kepada Kumpulan UniStage untuk membuat persembahan di dalam universiti atau menyertai pertandingan-pertandingan anjuran MAKUM.

